

Headline	CERITA WARUNG BAWA TUAH		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	E4,5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	1776 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 65,341
Frequency	Daily	PR Value	RM 196,023



25 OGOS 2013

# 'CERITA WARUNG' BAWA TUAH

Lukisan mengenai tiga sahabat kaum Melayu, Cina dan India duduk semeja di warung pikat juri

Oleh NURUL HUSNA MAHMUD  
nurul\_husna@hmetro.com.my

Lukisan 'Cerita Warung' memberi tuah kepada pelukis muda, Izzat Aziz, 24, membolot hadiah utama dalam pertandingan seni lukisan anjuran Resort World Genting baru-baru ini.

Anak jati Batu Pahat, Johor itu gembira apabila sentuhannya yang memaparkan tiga individu iaitu Melayu, India dan Cina berkongsi meja di warung, menambat hati juri dalam 1 Malaysia Contemporary Art Tourism Festival 2013.

Menurutnya, mencari ilham tidak sesukar mana kerana apabila penganjur memaklumkan tema pertandingan iaitu 'Malaysia menurut pandangan pelukis', tabiat mengunjungi warung dalam kalangan masyarakat berbilang kaum jelas terakam di kotak memorinya.

"Tiga bangsa, Melayu, India dan Cina dalam satu warung adalah bertepatan kerana pemandangan ini sering saya lihat di mana-

mana pun.

"Baik di kampung mahupun bandar, apabila berada di kedai makan, mereka tidak berasa canggung mahupun kekok bercerita serta berkongsi makanan meskipun berbeza budaya dan bangsa.

"Secara langsung, semangat muhibah jelas dirasa dan atas sebab itu juga, saya berasa gambaran itu sesuai untuk menterjemahkan pandangan saya mengenai Malaysia," katanya.

Graduan seni halus tandingan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) ini berkata, dia mengambil masa hampir sebulan untuk menggunakan pelbagai teknik.

"Saya tidak menghadkan satu teknik saja dalam lukisan. Saya turut menggunakan beberapa teknik seperti cetakan, tampalan dan garapan beberapa teknik mewarna lain bagi mendapatkan hasil unik. Bagi warna pula, saya menggunakan akrilik bagi menonjolkan lukisan.

"Saya menggunakan warna menarik dan berwar-

## Profil



**NAMA:** Ismail Rakib  
**UMUR:** 43 tahun  
**ASAL:** Jitra, Kedah  
**TAJUK LUKISAN:** Old House Old Game  
**PENCAPAIAN:** Pemenang utama kategori pelukis istimewa



GARAPAN menggunakan empat jalur Gemilang pada lukisan Ismail.

Headline	CERITA WARUNG BAWA TUAH		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	E4,5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	1776 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 65,341
Frequency	Daily	PR Value	RM 196,023

na-warni yang menggambarkan semangat muhibah serta keceriaan dikongsi meskipun berbeza latar belakang,” katanya.

Bagi pemenang kedua, Nor Fadilah Mohd Khalil, 23, dia gembira lukisannya bertajuk ‘Hidangan Kita’ berjaya menarik perhatian juri.

Gadis kecil molek ini berkata, dia tidak sangka dan bersyukur kerana berada pada kedudukan dua terbaik selepas mengetepikan lebih 20 pesaing.

“Persaingan memang sengit dan saya melihat hasil kerja peserta lain tidak kurang hebatnya. Mereka kreatif dengan cara tersendiri dan mungkin hasil kerja saya mempunyai ciri digemari juri selain faktor rezeki membuatkan saya dipilih.

“Saya berterima kasih kepada juri serta Resort World Genting yang sudi menganjurkan pertandingan ini serta memberi laluan kepada kami pelukis muda untuk berkarya,” katanya.

Sentuhan istimewanya yang mempunyai cetakan

seolah-olah songket menjadi latar kepada objek lukisannya iaitu hidangan mewakili kaum di Malaysia.

“Tentu saja apabila menyebut mengenai Malaysia, yang terlintas di fikiran ialah makanan. Malaysia syurga makanan dan rakyatnya, baik Melayu, India dan Cina, mempunyai hidangan tradisional masing-masing yang boleh dikongsi dan diterima.

“Roti canai, dim sum, nasi lemak dan kuih tradisional mudah didapati Malaysia serta berjaya menarik minat pelancong datang berkunjung mengenali budaya hanya daripada makanan berkenaan,” katanya.

Bagi pemenang utama kategori pelukis istimewa, Ismail Rakib, 43, lukisan dihasilkan bertajuk ‘Old House Old Game’ menggunakan empat warna bendera Malaysia adalah ciri unik dikkalkikan pada bingkisan itu.

“Sebenarnya saya sudah lama hasilkan lukisan ini kerana saya sering melukis apabila ada ilham. Masa diambil hanya dua hari dan

Headline	CERITA WARUNG BAWA TUAH		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	E4,5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	1776 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 65,341
Frequency	Daily	PR Value	RM 196,023

tema berkait rapat dengan diri saya iaitu rumah kampung, wau dan sebagainya mempunyai nilai sentimental buat saya.

"Saya bersyukur hasil kerja saya mendapat perhatian juri. Kemenangan ini saya hadiahkan kepada ibu bapa yang sentiasa menyokong minat saya dalam lukisan.

"Mereka banyak berkorban tenaga dan wang dengan membeli warna, berus dan kanvas untuk saya terus melukis," kata karyawan daripada Persatuan Kaki dan Mulut (Foot & Mouth Association - MFPA).

Sementara itu, Naib Presiden Kanan Perhubungan Awam dan Komunikasi Genting Malaysia Bhd, Datuk Anthony Yeo berkata, pihaknya sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mempromosi pelancongan seni di Malaysia.

"Program ini adalah antara inisiatif kami bagi mempromosi pelancongan seni di Malaysia. Sebelum ini kami hanya memperandingkan satu kategori, namun memutuskan

untuk mengembangkan lagi pertandingan dengan membuka peluang kepada pelukis muda.

"Tahun ini kami mendapat 40 penyertaan bagi kedua-dua kategori iaitu 19 bagi kategori istimewa dan 21 untuk pelukis muda," katanya.

Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) Pelancongan dan Budaya Malaysia, Datuk Dr Ong Hong Peng pula berkata, penganjuran pertandingan itu oleh Resort World Genting adalah inisiatif baik dalam menarik lebih ramai pelancong selain memperkayakan hasil dan produk kesenian Malaysia.

"Penganjuran ini bukan saja sebagai tanda mengalu-alukan tahun melawat Malaysia menjelang 2014, malah membantu pelukis muda dan istimewa menghasilkan karya bernilai.

"Usaha murni itu jelas menunjukkan Genting bukan sekadar memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya, malah memberi sokongan kepada usaha kerajaan dalam mempromosi pelancongan seni," katanya.

Headline	CERITA WARUNG BAWA TUAH		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	E4,5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	1776 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 65,341
Frequency	Daily	PR Value	RM 196,023

	
<b>Profil</b> 	<b>Profil</b> 
<b>NAMA:</b> Nor Fadilah Mohd Khalil <b>UMUR:</b> 23 tahun <b>ASAL:</b> Teluk Intan, Perak <b>TAJUK LUKISAN:</b> Hidangan Kita <b>PENCAPAIAN:</b> Tempat kedua kategori pelukis muda	<b>NAMA:</b> Izzat Aziz <b>UMUR:</b> 24 tahun <b>ASAL:</b> Batu Pahat, Johor <b>TAJUK LUKISAN:</b> Cerita Warung <b>PENCAPAIAN:</b> Pemenang utama kategori pelukis muda



Headline	CERITA WARUNG BAWA TUAH		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	E4,5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	1776 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 65,341
Frequency	Daily	PR Value	RM 196,023



**IZZAT menerangkan lukisan kepada Dr Ong (paling kanan) sambil diperhatikan Anthony (kiri).**



**PENGUNJUNG melihat 48 lukisan dipamer.**



**SENTUHAN Fadilah iaitu hidangan kita.**

Headline	CERITA WARUNG BAWA TUAH		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	25 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,321
Page No	E4,5	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	1776 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 65,341
Frequency	Daily	PR Value	RM 196,023

